

30 NOV 2002

Mahathir-Sayang (Bergambar)

RAKYAT PERLU SAYANG KEPADA NEGARA INI, KATA DR MAHATHIR

LANGKAWI, 30 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata rakyat perlu menyayangi negara ini yang menjadi tanah tumpah darah mereka dengan memeliharanya daripada sebarang ancaman.

"Kita perlu sayang kepada negara kita dan dengan ini kita tidak akan buat sesuatu yang boleh merosakkannya," katanya semasa berucap sebelum majlis berbuka puasa bersama penduduk mukim Bohor di Masjid Kampung Yooi di sini hari ini.

Dr Mahathir berkata rakyat perlu bersyukur dengan nikmat keamanan di negara ini sehingga dapat menarik ramai orang luar malah ada juga yang ingin tinggal di negara ini jika berpeluang.

Beliau berkata rakyat juga perlu berusaha untuk mendapatkan nikmat kurniaan Allah supaya dapat menjalani hidup dengan lebih sempurna kerana kemiskinan boleh menghalang umat Islam daripada beribadat dengan sempurna.

"Alhamdulillah, syukur kerana kita dapat menunaikan ibadat di bulan Ramadan dengan sempurna tanpa sebarang gangguan berbanding umat Islam di negara lain," katanya.

"Kerajaan sentiasa memikirkan soal kebajikan rakyat dan akan melaksanakan apa jua rancangan demi faedah mereka, katanya.

Dr Mahathir berkata kerajaan akan terus melaksanakan apa jua program pembangunan demi kesejahteraan rakyat negara ini termasuk meminda peraturan untuk membolehkan Tanah Rizab Melayu disewakan tetapi masih kekal dengan status itu.

"Kita nak buat supaya rizab Melayu yang membenarkan (pemiliknya) bagi sewa ..dulu "lease" pun tak boleh kena, supaya pemiliknya boleh mencari duit sikit ...tapi jangan sewa semua sampai tak ada bendang langsung," katanya.

Beliau turut menasihati penduduk Langkawi supaya tidak menjual kesemua tanah mereka bagi membolehkan pelbagai program pembangunan di pulau itu dapat dilaksanakan.

Pada perkembangan lain, Dr Mahathir berkata kejadian pengeboman yang dilakukan kumpulan pengganas seperti di Bali, Indonesia menyebabkan Malaysia turut menerima kesan yang buruk apabila pelancong berkurangan.

Perdana Menteri berkata Malaysia bagaimanapun setakat ini telah dapat membendung kegiatan pengganas terutama menerusi langkah pencegahan seperti menahan mereka yang disyaki.

Beliau mengucapkan tahniah kepada pasukan polis kerana kecekapan menangani ancaman itu.

Sebelum itu, Dr Mahathir dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamad Ali meninjau projek kereta kabel yang menghubungkan kompleks membeli belah bersepadu Oriental Village dengan puncak Gunung Machinchang setinggi 708 meter.

Perkhidmatan kereta kabel itu beroperasi awal bulan ini.

Perdana Menteri dan isteri berlepas pulang ke Kuala Lumpur malam ini selepas menunaikan solat Tarawih di masjid itu.

-- BERNAMA

NH RZL MOZ